

09 FEBRUARI 2018

Thailand tawar RM632,000

"Dadah itu dibawa dari negeri Wa masuk ke Thailand sebelum melalui kawasan sempadan untuk diseludup ke Malaysia. Dari Malaysia, dadah juga dihantar ke negara lain"
Sumber

09-02-2018

setempat 17

HARIAN METRO

Thailand tawar RM632,000

■ Usaha bendung sindiket dadah antarabangsa

Amir Abd Hamid dan Mohd Firdaus Ibrahim
am@metro.com.my

Kuala Lumpur

Selain diproses dalam negara, kebanyakan dadah sintetik yang dipasarkan di negara ini dipercayai diseludup dari Negeri Wa.

Untuk rekod, negeri berkenaan terletak bersempadan dengan daerah Mae Fah Luang di Chiang Rai, Thailand yang dikuasai Yi Sae.

Yi Sae atau Chaiwat Pornsakulpaitsarn digelar Raja Dadah Methamphetamine kerana mendalangi penyeludupan dadah sintetik ke Asia. Malah, pihak berkuasa turut menawarkan hadiah 5 juta Baht (RM632,000) bagi penangkapannya.

Menurut sumber, biarpun pihak berkuasa Thailand dikesan aktif membanteras kegiatan penyeludupan dadah di negara berkenaan tetapi sindiket dikuasai Yi Sae masih berjaya lolos untuk membawa masuk dadah ke Malaysia.

"Dadah itu dibawa dari negeri Wa masuk ke Thailand sebelum melalui kawasan sempadan untuk di seludup ke Malaysia. Dari Malaysia, dadah juga dihantar ke negara lain," katanya.

Ditanya kaedah penyeludupan yang digunakan sindiket, sumber itu berkata, dadah berkenaan diseludup melalui laluan laut dan darat.

"Menerusi laluan laut, sindiket menggunakan bot bot nelayan untuk membawa dadah keluar dari Thailand sebelum melakukan pertukaran di laut antarabangsa.

"Nelayan kemudian membawa dadah berkenaan ke beberapa pangkalan haram di Langkawi dan Yan, Kedah sebelum digerakkan ke beberapa negeri di Malaysia.

"Bagi laluan darat, sindiket sering menyeludup masuk dadah dari sempadan di Bukit Kayu Hitam, Kedah, Padang Besar atau Wang Kelian di Perlis ataupun di Sungai Golok, Kelantan," katanya.

Menjelaskan lanjut, sindiket sering kali membawa dadah menggunakan kereta, lori ikan dan kontena untuk melepasi pemeriksaan di sempadan Malaysia.

"Dadah yang berjaya diseludup bukan semuanya untuk pasaran Malaysia, sebaliknya juga dihantar ke beberapa negara seperti Indonesia, Singapura ataupun Australia," katanya.

Katanya, pihak berkuasa Thailand dan Bukit Aman terutamanya Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) sering bertukar maklumat terkini mengenai modus operandi digunakan sindiket.

"Bukan itu saja, kedua-dua agensi turut berkongsi maklumat mengenai pelakunya. Tetapi, sindiket juga bijak dengan merekrut ahli baru bagi membuat penghantaran dadah bertujuan mengelakkan mereka ditahan," katanya.

Dalam kejadian terbaru 24 Januari lalu, polis Thailand menemui 300 kilogram syabu disorokkan dalam ratusan buah tembikai dalam sebuah lori yang mengangkut hasil pertanian di Nakhon Ratchasima, timur laut Thailand dipercayai untuk diseludup ke Malaysia.

Sekumpulan empat orang, dua lelaki dan dua wanita ditahan ketika menunggu dadah itu di Yala, selatan Thailand di mana mereka merancang untuk menyeludup bahan itu melintasi Sungai Golok, masuk ke Malaysia.

